

Kenyataan Integriti Penyelidikan Singapura

Kata pendahuluan. Nilai dan manfaat penyelidikan sangat bergantung kepada integriti penyelidikan. Walaupun mungkin wujudnya perbezaan tentang cara bagaimana penyelidikan dikelolakan dan dilaksanakan daripada segi nasional and disiplin, terdapatnya juga prinsip dan tanggungjawab profesional yang merupakan teras bagi integriti penyelidikan sebagaimana ia dilaksanakan.

Prinsip

Kejujuran dalam semua aspek penyelidikan
Kebertanggungjawaban dalam pengendalian penyelidikan
Budi bahasa dan keadilan profesional ketika bekerja dengan orang lain
Pengawasan yang baik terhadap penyelidikan bagi pihak orang lain

Tanggungjawab

1. Integriti: Para penyelidik harus bertanggungjawab ke atas kebolehpercayaan penyelidikan mereka.

2. Mematuhi Peraturan: Para penyelidik harus menyedari dan mematuhi peraturan dan polisi yang berkenaan dengan penyelidikan.

3. Kaedah Penyelidikan: Para penyelidik harus menggunakan kaedah penyelidikan yang wajar, membuat kesimpulan berasaskan analisa yang kritikal terhadap bukti dan melaporkan penemuan dan interpretasi secara menyeluruh dan objektif.

4. Rekod Penyelidikan: Para penyelidik harus menyimpan rekod yang jelas dan tepat bagi semua penyelidikan agar penentusahan dan pengulangan hasil kerja mereka dapat dilakukan oleh pihak lain.

5. Penemuan Penyelidikan: Para penyelidik harus berkongsi data dan penemuan secara terbuka dan segera, sebaik sahaja mereka mempunyai peluang untuk menetapkan keutamaan dan tuntutan hak milik.

6. Pengarang: Para penyelidik harus bertanggungjawab ke atas sumbangan mereka kepada semua terbitan, permohonan pendanaan, laporan dan perwakilan lain penyelidikan mereka. Senarai pengarang harus termasuk semua dan hanya semua yang memenuhi kriteria pengarang yang berkenaan.

7. Perakuan Terbitan: Para penyelidik harus memperakui nama dan peranan mereka yang membuat sumbangan yang signifikan terhadap penyelidikan, tetapi tidak memenuhi kriteria pengarang, dalam terbitan, termasuk penulis, pembiaya, penaja, dan lain-lain.

8. Penilaian Setara: Para penyelidik harus memberi penilaian yang adil, segera dan rapi dan menghormati kerahsiaan ketika menilai hasil kerja pihak lain.

9. Konflik Kepentingan: Para penyelidik harus mendedahkan konflik kewangan dan lain-lain yang mana boleh mengkompromikan kebolehpercayaan hasil kerja

mereka dalam usul penyelidikan, terbitan dan komunikasi awam serta dalam semua aktiviti penilaian.

10. Komunikasi Awam: Para penyelidik harus membataskan komen profesional dalam bidang kepakaran mereka yang diiktiraf ketika terlibat dalam perbincangan awam terhadap penggunaan dan pentingnya penemuan penyelidikan serta membezakan dengan jelas komen profesional daripada pendapat yang berasaskan pandangan peribadi.

11. Laporan Amalan Penyelidikan Yang Tidak Bertanggungjawab: Para penyelidik harus melaporkan semua salah laku penyelidikan yang disyaki kepada pihak berkuasa yang wajar, termasuk rekaan, pemalsuan atau plagiarisme, dan amalan penyelidikan tidak bertanggungjawab yang lain yang menjejaskan kebolehpercayaan penyelidikan, seperti kecuaiian, penyenaraian pengarang yang tidak betul, kegagalan melaporkan data yang bercanggah, atau penggunaan kaedah analisis yang menyebabkan pemesongan.

12. Respons terhadap Amalan Penyelidikan Yang Tidak Bertanggungjawab: Institusi penyelidikan, jurnal, organisasi dan agensi profesional yang mempunyai komitmen terhadap penyelidikan, harus mempunyai prosedur untuk mengendalikan tuduhan salah laku dan amalan penyelidikan lain yang tidak bertanggungjawab dan untuk melindungi mereka yang melaporkan perbuatan seperti itu atas niat baik. Jika salah laku atau amalan penyelidikan lain yang tidak bertanggungjawab disahkan, tindakan-tindakan yang sewajarnya harus diambil dengan segera, termasuk membetulkan rekod penyelidikan.

13. Persekitaran Penyelidikan: Institusi penyelidikan harus mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang mendorong integriti melalui pendidikan, polisi yang jelas, standard yang munasabah untuk kemajuan, sementara memupuk persekitaran kerja yang menyokong integriti penyelidikan.

14. Pertimbangan Kemasyarakatan: Para penyelidik dan institusi penyelidikan harus menyedari bahawa mereka mempunyai kewajipan etika untuk mempertimbangkan kepentingan masyarakat tentang risiko yang sedia ada dalam hasil kerja mereka.

Kenyataan Integriti Penyelidikan Singapura dibentuk sebagai sebahagian daripada Persidangan Integriti Penyelidikan Sedunia ke-2, 21-24 Julai 2010, di Singapura, sebagai panduan global untuk pengendalian penyelidikan yang bertanggungjawab. Ia bukan dokumen regulatori dan tidak mewakili polisi rasmi negara-negara dan organisasi-organisasi yang membiayai dan/atau menyertai Persidangan tersebut. Untuk polisi, panduan, dan peraturan rasmi berkenaan integriti penyelidikan, perbadanan dan organisasi kebangsaan haruslah dirujuk.